

D159

U 8803 AAB
HAHATHIR - BN

SHAH ALAM, 19 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN BAHAWA KEKUATAN ASAS BARLSAN NASIONAL (BN) DALAM MENTADBIR NEGARA WUJUD DARIPADA KESEDIAAN PARTI-PARTI KOMPONEN UNTUK BERKORBAN.

OLEH ITU SETIAP PARTI KOMPONEN PERLU MENGHARGAI SEBARANG PENGORBANAN PARTI-PARTI LAIN BAGI MEWUJUDKAN PERASAAN SALING FAHAM-MEMAHAMI DAN HORMAT-MENGHORMATI SESAMA MEREKA, KATA BELIAU SEMASA MERASMIKAN PERHIHPUNAN AGUNG KE-37 MIC DI SINI.

BELIAU BERKATA LAZIMNYA ANGGOTA SESEBUAH PARTI KOMPONEN LEBIH MENYEDARI PENGORBANAN YANG DILAKUKAN OLEH PARTI MEREKA SEBALIKNYA JARANG MELIHAT PENGORBANAN PARTI-PARTI KOMPONEN LAIN.

ADA BAIKNYA SETIAP PENGORBANAN SAMA-SAMA DITELITI KERANA DENGAN CARA ITU BN DAPAT MENGEKALKAN KEKUATAN YANG DIPERLUKAN UNTUK MENTADBIR DAN MEMAJUKAN NEGARA DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEBAGAI SATU PAKATAN LEBIH DARIPADA 10 BUAH PARTI POLITIK, BN TELAH DAPAT MENGHADAPI CABARAN DARIPADA PARTI-PARTI LAWAN PADA SETIAP MASA.

KATANYA, KESANGGUPAN MENGHADAPI CABARAN SEPERTI ITU ADALAH KERANA KEBANYAKAN PARTI KOMPONEN BN BERADA DALAM KEDAAAN KUKUH DAN UTUH YANG MENJADI SALAH SATU UNSUR PENTING BAGI MEMBOLEHKAN BN MENTADBIR NEGARA YANG BERBILANG KAUM DAN AGAMA. -- LAGI.

1354MST 19 08 89

D160

U 8804 AAB
MAHATHIR - BN 2 SHAH ALAM

MENGENAI MIC, PERDANA MENTERI BERKATA DENGAN KEPIMPINAN PARTI YANG BERTAMBAH MATANG, BELIAU YAKIN MIC AKAN BERTAMBAH KUKUH PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG WALAUPUN MENGHADAPI +SATU DUA CABARAN.+

+KALAU KITA RENUNGAN KEMBALI SEJARAH PERIKATAN DAHULU DAN BN SEKARANG, PARTI-PARTI KOMPONEN BERSILIH-GANTI MENGHADAPI CABARAN DALAM PARTI YANG KADANG-KADANG SEOLAH-SOLAH BOLEH MENGHANCURKAN SESEBUAH PARTI ITU.+

BAGAIMANAPUN, KATANYA, SEJARAH TELAH MEMBUKTIKAN SETIAP PARTI KOMPONEN AKHIRNYA DAPAT MENGATASI CABARAN DALAMAN ITU MALAH BERTAMBAH MENGUATKAN KEDUDUKAN PARTI.

PAHIT-MAUNG SEMASA BERTELINGKAH AKAN MENJADI PENAWAR ATAU +TONIK+ BAGI KEUTUHAN PARTI, TAMBAHNYA.

SEMASA BERCAKAP MENGENAI PILIHAN RAYA KECIL PULA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, JIKA ADA PILIHAN, BN SEBAGAI PARTI PEMERINTAH MEMANG BERHARAP PILIHAN RAYA KECIL TIDAK SELALU DIADAKAN KERANA INGIN MENUMPUKAN MASA UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, PILIHANRAYA-PILIHANRAYA KECIL BOLEH DIJADIKAN PENGUKUR KEPADA BN UNTUK MELIHAT SAMA ADA RAKYAT MASIH MENYOKONGNYA ATAU SEBALIKNYA DALAM TEMPOH ANTARA PILIHAN RAYA UMUM. -- LAGI.

1356MST 19 08 89

0162 .

U 8805 AAB
MAHATHIR - BN 3 SHAH ALAM

PERDANA MENTERI BERKATA IA JUGA DAPAT MEMBERI INGATAN SUPAYA BN TIDAK LALAI ATAU LEKA **DALAM** MENJALANKAN TANGGUNGJAWABNYA MENJAMIN KESEJAHTERAAN RAKYAT, KEAMANAN DAN KESTABILAN NEGARA.

+SEKIRANYA BN LALAI SELEPAS MEMENANGI PILIHAN RAYA UMUM, IA AKAN BERASA GELISAH APABILA MENJELANG SESUATU PILIHAN RAYA KECIL ATAU PILIHAN RAYA UMUM BERIKUTNYA.+

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA UAKIL-UAKIL RAKYAT DAN PARA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN HARUS SENTIASA SEDAR BAHAWA BN MEMERLUKAN SOKONGAN RAKYAT UNTUK MEMERINTAH JUSTERU ITU MEREKA PERLU LAH BERDAMPING, MENKAJI DAN MEMBANTU RAKYAT DALAH MENYELESAIKAN MASALAH MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR HENGGINGATKAN MEREKA TENTANG ISU-ISU TERTENTU YANG DIBANGKITKAN OLEH PARTI-PARTI LAUAN DALAM SESUATU PILIHAN RAYA KECIL.

ADA KALANYA ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN ITU UJAR TETAPI ADA PULA YANG SENGAJA DIADA-ADAKAN ATAU DIPERBESAR-BESARKAN. OLEH ITU TUGAS BN IALAH MEMBERI PENERANGAN DAN PENJELASAN SERTA MELAKSANAKAN PROGRAM UNTUK HANFAAT RAKYAT, KATANYA.

+SETAKAT INI KITA TELAH BERJAYA DAN HARUS BERUSAHA LAGI UNTUK MENEMPA KEJAYAAN YANG LEBIH BESAR PADA PILIHANRAYA-PILIHANRAYA AKAN DATANG.+ - - LAGI.

1400MST 19 08 89

D166

U 8806 A A B
MAHATHIR - BN 4 SHAH ALAM

DATUK SERI DR MAHATHIR TURUT MENGGINGATKAN PERANAN SETIAP RAKYAT DALAH MENJAGA NAMA BAIK NEGARA TERUTAMA MENJELANG SUKAN SEA YANG BERMULA ESOK, PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) OKTOBER INI DAN TAHUN MELAUAT MALAYSIA SEPANJANG TAHUN DEPAN.

MASING-MASING MEMPUNYAI PERANAN, TIDAK KIRA IA SEORANG KAKITANGAN KERAJAAN, AHLI POLITIK, PENIAGA ATAU SURI RUMAH.

GAMBARAN BAIK YANG DITONJOLKAN OLEH KAKITANGAN HOTEL, PEMANDU TEKSI, PELAYAN DAN PEKEDAI SEMASA BERCAMPUR-GAUL DENGAN PARA TETAMU NEGARA DAN PELANCONG INI AKAN MEMBAWA BANYAK MANFAAT DAN KEUNTUNGAN KEPADA NEGARA, TEGAS BELIAU.

MENGENAI EKONOMI NEGARA, DATUK SERI DR MAHATHIR SEKALI LAGI MENGGESA SETIAP SEKTOR DAN GOLONGAN BEKERJASAMA MEMASTIKAN PERKEMBANGAN EKONOMI SEKARANG TIDAK TERGENDALA.

MEREKA YANG TERLIBAT SECARA AKTIF DENGAN AKTIVITI POLITIK TURUT MEMPUNYAI PERANAN PENTING BAGI MENENTUKAN SUASANA POLITIK DAN SOSIAL DALAM NEGARA SESUAI UNTUK PERKEMBANGAN EKONOMI DAN TIDAK MENJADI PUNCA SEBARANG KEKECOHAN, KATANYA. -- BERNAMA.

1410UST 19 08 89